

SOALAN NO. 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]**

TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)

SOALAN :

**Dato' Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan tindakan cadangan mewujudkan TASKA untuk membantu
pekerja wanita di negara ini.**

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan amat prihatin terhadap isu yang dihadapi oleh wanita berkerja dalam mengimbangi kehidupan berkeluarga dan berkerjaya. Dalam mendepani kehidupan yang lebih mencabar dari pelbagai aspek terutamanya ekonomi, kos sara hidup merangkumi kos asuhan anak di TASKA, jarak antara tempat kerja dengan TASKA, aksesibiliti terhadap TASKA, keselamatan di TASKA dan kualiti pendidikan awal kanak-kanak merupakan perkara yang menjadi kerisauan kepada golongan wanita berkerjaya.

Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengakui pewujudan TASKA di Tempat Kerja akan dapat membantu wanita yang berkerja mengatasi masalah penjagaan anak dan dapat mengelakkan wanita daripada berhenti kerja. KPWKM sentiasa menyokong agar pihak majikan menyediakan TASKA di Tempat Kerja

samada sektor awam atau swasta. Kementerian ini sentiasa menggalakkan penubuhan TASKA di Tempat Kerja dengan mengadakan tindakan proaktif memberi taklimat dan bimbingan mengenai penubuhan TASKA. Penubuhan TASKA di Tempat Kerja merupakan satu pilihan kepada majikan untuk meningkatkan produktiviti di kalangan pekerja wanita. Sehubungan dengan itu, tiada penguatkuasaan yang dilakukan terhadap majikan-majikan sama ada agensi Kerajaan dan swasta dalam menyediakan TASKA di tempat kerja masing-masing.

Berdasarkan statistik dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sehingga Jun 2017, terdapat **227** buah TASKA yang disediakan oleh majikan di sektor awam dan swasta. Daripada jumlah ini, **183** adalah dari majikan sektor awam dan **44** dari sektor swasta.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menggalakkan pihak majikan menyediakan TASKA di Tempat Kerja, beberapa inisiatif Kerajaan telah diperkenalkan bagi menggalakkan penubuhan TASKA di Tempat Kerja sektor awam dan swasta seperti berikut:

- i. Menggalakkan kementerian atau jabatan kerajaan menubuhkan TASKA di Tempat Kerja masing-masing melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1989;
- ii. Peruntukan geran pelancaran sebanyak RM200,000 kepada kementerian atau jabatan kerajaan untuk menubuhkan TASKA di Tempat Kerja di sektor awam; dan
- iii. Pemotongan cukai sebanyak dua kali ganda ke atas majikan yang menyediakan elaun atau subsidi yang diberikan kepada pekerja dan perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan TASKA di Tempat Kerja Swasta serta pusat jagaan kanak-kanak.

Tuan Yang Dipertua,

Selain daripada itu, antara inisiatif yang dijalankan oleh Kementerian bagi menggalakkan penubuhan TASKA Di Tempat Kerja adalah seperti berikut:

- i. Mewujudkan *Task Force Ramping Up The Ecce Industry (Task Force ECCE)* yang berperanan untuk mengatasi isu-isu TASKA termasuk mengadakan pertemuan dengan syarikat-syarikat bagi menerangkan keperluan dan kelebihan TASKA di Tempat Kerja;

- ii. Sesi dialog bersama agensi teknikal, Persatuan TASKA Negeri dan pengusaha TASKA bagi mengenalpasti isu-isu berkaitan pendaftaran TASKA dan membincangkan kaedah –kaedah bagi membantu mempermudah pendaftaran TASKA; dan

- iii. Menghasilkan adendum dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi penubuhan TADIKA dan TASKA di bangunan bertingkat yang membenarkan ia beroperasi di bangunan bertingkat tidak melebihi aras 5 bangunan tersebut.

Pihak JKM juga telah mengadakan perjumpaan dengan Penyelaras TASKA Negeri bagi membincangkan status kemajuan pendaftaran TASKA

Tempat Kerja dan strategi pendaftaran. Antara strategi-strategi yang telah dilaksanakan:

- i. Mengadakan taklimat kepada agensi kerajaan dan syarikat swasta berkaitan penubuhan TASKA Tempat Kerja dan insentif yang diperolehi oleh majikan yang menubuhkan TASKA Tempat Kerja; dan
- ii. Mengaktifkan fungsi "*one stop centre*" bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan agensi dalam pendaftaran TASKA.

Tuan Yang Dipertua,

Melalui usaha-usaha ini Kementerian dapat memberikan kemudahan kepada pekerja yang mempunyai anak-anak kecil serta dapat memastikan anak mereka mendapat asuhan yang berkualiti. Sehubungan itu, pihak Kementerian menggalakkan majikan daripada sektor awam dan sektor swasta untuk meneroka peluang-peluang dan insentif yang ada untuk majikan menyediakan TASKA bagi membantu pekerja mereka dalam

menguruskan hal ehwal pengasuh anak-anak sewaktu mereka keluar bekerja. Hal ini secara tidak langsung akan membantu negara mencapai matlamat untuk meningkatkan penyertaan tenaga buruh wanita kepada 59 peratus pada tahun 2020.

SOALAN (58)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]

SOALAN :-

YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan cadangan mewujudkan dana pinjaman bebas kadar terendah untuk memiliki rumah mampu milik.

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian akan mengkaji cadangan tersebut bagi membantu rakyat dalam memiliki rumah terutamanya rumah mampu milik. Bagi membantu golongan M40 bagi memiliki Rumah Mampu Milik, Kementerian telah melaksanakan Bantuan Pembiayaan Deposit/Subsidi Pembelian Rumah melalui skim berikut :-

1) **Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome).**

MyHome menawarkan subsidi/rebat harga rumah sebanyak RM30,000 seunit bagi projek di bawah Skim MyHome sahaja.

2) **Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit).**

MyDeposit menawarkan bantuan deposit sebanyak 10 % atau maksima RM30,000 seunit bagi projek perumahan swasta dan perumahan di pasaran sekunder (sub-sale) yang berharga RM500,000 dan ke bawah

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak Kementerian telah melaksanakan Skim Pinjaman Perumahan (SPP) sejak tahun 1985 melalui Tabung Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan bagi menyediakan pinjaman khusus untuk golongan berpendapatan rendah (B40) dan bukan kakitangan kerajaan untuk membina rumah

KRITERIA SPP.

- 1) Pemohon berpendapatan isi rumah antara RM1,000 hingga RM3,000 sebulan
- 2) Pemohon bekerja sendiri /swasta
- 3) Membina rumah di atas tanah sendiri atau tanah milik ahli keluarga terdekat.
- 4) Pinjaman maksimum sehingga RM60,000 (tidak termasuk perlindungan insurans)
- 5) Bayaran perkhidmatan 2%.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017